



Paparan video Perdana Menteri yang mengajak rakyat meningkatkan semangat kesatuan dalam menyelamatkan serta membangunkan negara.

Anwar ajak rakyat bersih jiwa, tingkat semangat kesatuan

Kesepaduan
mampu angkat
kembali martabat
negara, suasana
perpaduan

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim, mengajak rakyat Malaysia membersihkan diri dan jiwa bagi meningkatkan semangat kesatuan dalam menyelamatkan serta membangunkan

negara sempena sambutan Aidilfitri kali ini.

Perdana Menteri berkata, beliau percaya dengan kesepaduan rakyat, martabat negara dapat diangkat kembali, sekali gus membolehkan semua hidup dalam suasana perpaduan dengan lebih aman dan makmur.

Pesanan itu disuarakan Perdana Menteri dalam paparan video raya berdurasi dua minit 36 saat yang dimuat naik melalui laman sosialnya.

Menariknya, melalui video itu, Perdana Menteri juga 'sempat' berlakon membeli tiga batang lemang daripada 'Lemang Padu Mad Thani' sebelum menyampai-

kan pesanannya itu.

"Mari kita kuatkan semangat kesatuan rakyat Malaysia membangunkan negara, menyelamatkan negara dengan memulakan daripada diri kita.

"Setelah Ramadan Karim, kita membersihkan diri dan jiwa supaya mengangkat martabat keluarga kita dan masyarakat negara kita sebagai satu kesatuan.

"Sempena sambutan ini yang diraikan semua umat Islam di negara kita dan seluruh dunia, saya ucapkan selamat hari raya," katanya.

Terdahulu, melalui video itu, turut dipaparkan kaedah membuat lemang dan sambutan hebat pembeli pelbagai kaum terhadap makanan tradisional yang popular ketika Aidilfitri.